

**TAHAP KEBERKESANAN MODUL *SOFTSKILLS* (AS101) TERHADAP PELAJAR
JABATAN PERDAGANGAN SEMESTER 5 POLITEKNIK MERLIMAU, MELAKA
SELEPAS MENJALANI LATIHAN INDUSTRI.**

Mohd Shahrir Bin Ahmad Zaini
Politeknik Merlimau
mohdshahrir@pmm.edu.my

Mohd Rakime Bin Shaffai
Politeknik Merlimau
mohdrakime@pmm.edu.my

ABSTRAK

Graduan yang ideal perlu memiliki bukan sahaja kemahiran teknikal malah juga kemahiran *Softskills*. Kemahiran *Softskills* merupakan aspek yang selalu diberi perhatian oleh para majikan. Oleh itu pembangunan kemahiran *Softskills* kini menjadi fokus utama Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dan digunakan oleh bakal majikan sebagai nilai tambah graduan. Kajian ini adalah bertujuan untuk mengkaji keberkesanan kursus *Softskills* dalam menyiapkan pelajar untuk menghadapi latihan industri berdasarkan kepada persepsi pelajar. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Nilai keseluruhan Alpha Cronbach untuk instrumen borang soal selidik adalah 0.791. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kursus *Softskills* ini dapat memberikan pelajar pendedahan kepada alam pekerjaan mengenai tugas di dalam organisasi serta persediaan untuk menghadapi temuduga pekerjaan yang sebenar. Selain itu, kursus ini dapat membina personaliti pelajar yang positif, kemahiran berkomunikasi serta memberi pendedahan kepada alam pekerjaan. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar-pelajar politeknik berpendapat bahawa kursus *Softskills* yang dilaksanakan adalah berguna dan berkesan.

KATA KUNCI :kursus *Softskills*, latihan industri.

1.0 PENGENALAN

Malaysia sebagai sebuah negara membangun menghadapi cabaran besar dalam menghadapi persaingan abad ke-21. Malaysia berazam untuk menjadi sebuah negara yang maju dan berdaya saing. Kejayaan ini melibatkan pembangunan modal insan kelas pertama dan ianya bergantung kepada mutu sistem pendidikan negara. Oleh itu kerajaan berhasrat untuk menggerakkan satu usaha untuk mentransformasikan pendidikan negara pada semua peringkat dari pra sekolah hingga pengajian tinggi (Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020).

Semua Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia diperlukan untuk melaksanakan program-program kemahiran *softskills* menjelang akhir tahun 2006 kerana bilangan siswazah yang menganggur seperti yang dicatatkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, 2006) adalah sangat membimbangkan. Samuel dan Bakar (2008) melaporkan daripada Kementerian Sumber Manusia bahawa 70% daripada graduan daripada universiti awam, 26% dari universiti-universiti swasta dan 34% daripada graduan dari universiti luar negara masih menganggur. Pada tahun 2005, kerajaan Malaysia mengumumkan bahawa terdapat 67,000 siswazah menganggur dan ramai daripada mereka telah menamatkan pengajian di antara tahun 2000 hingga 2004 (Devadson, Subramaniam dan Daniel, 2010).

Menyedari bilangan siswazah menganggur yang tinggi, Perdana Menteri Malaysia dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan pada 31 Mac 2006 menegaskan bahawa pembangunan modal insan dan peningkatan keupayaan minda dan intelek Negara mesti menjadi keutamaan jika Malaysia ingin melangkah menjadi sebuah negara maju. Sasaran utama dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ialah pembangunan modal insan atau lebih dikenali sebagai pembangunan kemahiran insaniah atau kemahiran *softskills*. Bagi meningkatkan sasaran ini, maka para graduan Malaysia perlu meningkatkan keupayaan pengetahuan, kreativiti dan inovasi yang merupakan elemen penting dalam globalisasi ekonomi (Shakir, 2009).

1.1 LATAR BELAKANG MASALAH

Dalam era globalisasi ini, peningkatan dalam permintaan sumber tenaga manusia yang semakin tinggi telah mendesak majikan untuk memilih pekerja yang bertanggungjawab, pekerja yang dapat menangani tugas mencabar, pekerja yang boleh menyesuaikan diri dengan keadaan dan pekerja yang sensitif kepada keadaan sekeliling. Oleh itu, pekerja-pekerja dalam era globalisasi perlu mempelajari nilai-nilai baru termasuklah tentang etika kerja, kepimpinan, kompetensi dalam teknologi maklumat, hubungan interpersonal dan analitikal (Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli, 2005).

Justeru itu, pendidikan yang merangkumi penguasaan kemahiran insaniah (*softskills*) yang tinggi adalah amat penting selain penguasaan bidang ilmu pengetahuan. Tambahan pula, Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia perlu mengorak langkah menuju ke arah pemantapan dan pemerkasaan pembangunan modal insan secara bersepadu dan menyeluruh dengan mengambil kira kemakmuran Negara dan kehendak pasaran kerja. Pembangunan modal insan merupakan satu perkara yang telah digariskan sebagai satu agenda utama Negara dalam Rancangan Malaysia ke-9 (RMK9) seperti yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato Sri Abdullah Ahmad Badawi (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Cabaran kecemerlangan IPT kini dikatakan secara langsung dengan keupayaan menghasilkan graduan yang menjadi pilihan utama industri, majikan dan pasaran pekerjaan. Oleh itu, fenomena ini adalah selaras dengan objektif keempat Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) iaitu untuk menghasilkan graduan yang berdaya saing untuk memenuhi keperluan guna tenaga negara dan antarabangsa dengan sasaran 75% graduan mendapatkan pekerjaan dalam bidang relevan dalam tempoh enam bulan selepas tamat pengajian (KPT, 2011).

1.2 PERNYATAAN MASALAH

Modul *Softskills* adalah sebahagian daripada Latihan Industri yang menjadi satu komponen utama dalam sistem pembelajaran di politeknik. Pelajar yang mengikuti kursus peringkat diploma akan mengikuti Modul *Softskills* pada semester 3. Program latihan industri merupakan syarat wajib sebelum pelajar boleh di anugerahkan Diploma Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (Modul *Softskills* Latihan Industri Politeknik, 2007).

Salah satu objektif utama menyediakan pelajar dengan ilmu *Softskills* sebelum mereka menjalani latihan industri adalah memberikan mereka pendedahan sebenar tentang alam pekerjaan. Pelbagai rungutan yang diterima oleh pihak politeknik tentang *Softskills* yang tidak dimiliki oleh pelajar semasa menjalani latihan industri sehingga pihak firma atau syarikat tidak mahu memberi tugas dan tanggungjawab kerja kepada pelajar praktikal kerana bimbang tidak dapat dilakukan dengan sempurna dan tidak seperti yang diharapkan.

Salah satu kemahiran yang diperlukan oleh majikan adalah kemahiran *Softskills*, namun graduan dikatakan tidak mempunyai penampilan diri yang baik, kurang kemahiran bersosial dan berkomunikasi serta tidak bermotivasi dan sukar untuk diterima oleh industri atau majikan. Isu ini timbul berikutan dari permasalahan graduan yang dilahirkan sukar mencari pekerjaan sehinggakan di papar di akhbar berkenaan graduan yang menggagur kerana tiada pekerjaan dan dikatakan tidak mempunyai pakej yang membolehkan mereka diterima masuk di bidang pekerjaan (Mohamad Shatar dan azali Mohamad, 2008). Ini kerana majikan pada masa kini tidak lagi menerima graduan yang cemerlang akademik sahaja tetapi mereka yang mempunyai *Softskills* yang berkesan seperti kemampuan untuk berkomunikasi dengan baik dan boleh bekerja di dalam kumpulan.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti keupayaan Modul *Softskills* Latihan Industri dalam membina personaliti pelajar yang positif.
2. Mengenalpasti keupayaan Modul *Softskills* Latihan Industri dalam membentuk kemahiran berkomunikasi pelajar.
3. Mengenalpasti keupayaan Modul *Softskills* Latihan Industri dalam memberi pendedahan kepada alam pekerjaan kepada pelajar.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

1. Adakah Modul *Softskills* Latihan Industri membina personaliti pelajar yang positif?
2. Adakah Modul *Softskills* latihan Industri membentuk kemahiran berkomunikasi pelajar?
3. Adakah Modul *Softskills* Latihan Industri memberi pendedahan kepada alam pekerjaan kepada pelajar?

1.5 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian yang dibuat ini mempunyai pelbagai kepentingan berdasarkan persoalan yang ditimbulkan. Pengkaji meletakkan harapan yang tinggi semoga hasil kajian yang akan diperolehi nanti akan member faedah yang besar kepada pihak-pihak yang berkenaan terutamanya di bidang Institusi Pengajian Tinggi. Berikut adalah antara kepentingan yang dirasakan sesuai oleh pengkaji :

1. Kepentingan kepada Kementerian Sumber Manusia.
2. Kepentingan kepada sektor ekonomi negara.
3. Kepentingan kepada pelajar Politeknik.
4. Kepentingan kepada Industri.

1.6 BATASAN KAJIAN

Kajian ini terhad kepada kajian keberkesanan Modul *Softskills* Latihan Industri di Politeknik Merlimau sahaja. Manakala kajian ini tertumpu kepada pelajar Diploma semester lima daripada Jabatan Perdagangan, Politeknik Merlimau yang telah menamatkan latihan industri sahaja tidak melibatkan keseluruhan pelajar yang telah mengambil Modul *Softskills* Latihan Industri.

1.7 DEFINISI ISTILAH

Dalam kajian ini terdapat beberapa definisi istilah penting yang digunakan oleh pengkaji bagi menjelaskan sesuatu perkara dengan lebih tepat untuk mengelakkan daripada berlakunya salah tanggapan terhadap sesuatu istilah.

1.7.1 Keberkesanan

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2005), keberkesanan ditakrifkan sebagai sesuatu tindakan yang diambil dapat dilihat daripada hasil yang diperolehi sesudahnya.

1.7.2 Modul Softskills Latihan Industri Politeknik

Kamus Dewan Edisi Keempat (2005) menyatakan modul sebagai kursus atau pelajaran yang dapat dilaksanakan secara tersendiri ke arah pencapaian sesuatu kelayakan atau kemahiran. Dalam konteks kajian ini, modul merupakan matapelajaran atau salah satu subjek yang diajar di Politeknik. Modul *Softskills* adalah sebahagian daripada program latihan industri yang menjadi satu komponen utama sistem pembelajaran di politeknik.

1.7.3 Softskills

Softskills atau kemahiran generik merupakan sifat kemanusiaan atau akhlak seseorang individu iaitu kemahiran interpersonal seperti kemampuan berkomunikasi dengan baik, bekerja dalam pasukan dan sebagainya, ianya dinyatakan di dalam Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Kajian ini memfokuskan kepada aspek-aspek *Softskills* yang telah dipelajari oleh pelajar sebelum menjalani latihan industri.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Dewasa ini, politeknik adalah di antara IPT yang bertanggungjawab untuk membekalkan graduan yang berkualiti yang mempunyai kemahiran kepimpinan yang tinggi selari dengan kehendak industry. Walaubagaimanapun, aspek kemahiran kepimpinan yang sangat ditekankan oleh pihak industry kadangkala tidak begitu menonjol sepanjang pengajian di politeknik. Ini adalah kerana dalam tempoh pengajian yang singkat, tumpuan semasa sesi pengajaran adalah lebih diberikan kepada aspek pembangunan akademik, kemahiran teknikal dan amalan profesional Zulida Binti Abdul Kadir (2013).

Pernyataan Zulida (2013) ini disokong Esa Ahmad *et al* (2015) yang menyatakan tiga sebab utama mengapa siswazah Malaysia kurang dalam kemahiran insaniah, pertamanya, sistem pendidikan Malaysia memberi tumpuan kepada peperiksaan. Sistem ini menekankan pelajar yang cemerlang dalam menghafal fakta dan mendapat kedudukan yang baik di dalam kelas adalah pelajar yang cemerlang dan ia mengeneipkan penguasaan kemahiran *Softskills* atau kemahiran insaniah dalam diri para pelajar. Kedua, bahasa kebangsaan dan bahasa rasmi yang digunakan dalam sistem pendidikan Malaysia adalah bahasa Melayu tetapi dalam bahasa perniagaan dan korporat Bahasa Inggeris telah menjadi bahasa rasmi sejak zaman penjajah, dan yang ketiga, penduduk Malaysia terdiri daripada tiga kaum utama iaitu Melayu, Cina dan India. Setiap kaum mempunyai sistem sekolah mereka sendiri menggunakan bahasa rasmi masing-masing di sekolah rendah. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar Malaysia mungkin mempunyai masalah untuk berkomunikasi di dalam Bahasa Inggeris.

Isu kualiti adalah menjadi lebih penting dalam sektor pendidikan tinggi yang sedang bergerak ke arah era transformasi yang menghasilkan generasi berpengetahuan komersil (Mohd Amiruddin 2014). Walaubagaimanapun sesetengah pihak berpendapat bahawa kualiti institusi pendidikan tinggi hendaklah ditentukan oleh pakar-pakar akademik (Lomas, 2007), namun kebanyakan universiti dan kolej yang mengumpul maklumat daripada pelajar-pelajar mereka kerana mereka adalah orang-orang yang menerima perkhidmatan

yang diberikan oleh institusi pengajian tinggi (Konting, Kamaruddin & Man, 2009). Pada pendapat mereka mendapati kaedah yang berkesan untuk penerapan kemahiran *Softskills* ke dalam diri pelajar adalah dengan menerapkan elemen-elemen *Softskills* ke dalam modul-modul teras yang diajar.

Sementara itu, menurut Ramli, Ibrahim, Rahman dan Endut (2007), melalui satu kajian yang dijalankan oleh Program Kemahiran Siswazah yang melibatkan 293 pelajar tahun akhir dari program diploma dan Ijazah Sarjana Muda mendapati bahawa mereka sangat berpuas hati dengan program *Softskills* yang telah memberi banyak faedah seperti pengetahuan, keyakinan dalam komunikasi, etika professional dan moral, semangat kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah, keusahawanan dan Bahasa Inggeris. Adalah dipercayai bahawa dengan program kemahiran *Softskills* yang menggunakan pendekatan yang sesuai dan kurikulum yang betul sememangnya boleh membantu pelajar untuk mendapatkan kemahiran yang diperlukan oleh mereka untuk bersedia menghadapi dunia kerjaya yang mencabar dalam abad ke-21.

3.0 METODOLOGI

Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap keberkesanan elemen *Softskills* yang diajar dalam Modul *Softskills* tertanam di dalam diri pelajar selepas satu semester mereka mengikuti modul berkenaan dan selepas mereka balik dari menjalani Latihan Industri. Bab ini akan membincangkan tentang rekabentuk kajian, populasi, pemilihan sampel, instrumen dan prosedur analisa.

3.1 RESPONDEN

Kajian ini dibuat di Politeknik Merlimau yang menawarkan Modul AS101 – *Softskills*. Sasaran populasi adalah para pelajar Jabatan Perdagangan yang telah mengikuti modul berkenaan dan selepas mereka balik daripada menjalani Latihan Industri dengan andaian mereka telah dapat menerapkan dan mengaplikasikan elemen-elemen dalam modul berkenaan. Pengkaji menggunakan kesemua populasi sebagai responden atau sampel kepada analisa data bagi menjawab objektif kajian pengkaji. Rasional memilih hanya pelajar semester lima ini adalah kerana mereka telah pun didedahkan dengan modul berkenaan sebelum menjalani Latihan Industri di semester tiga. Soal selidik di edarkan kepada semua pelajar semester lima dari semua program. Kumpulan ini terdiri dari 35 orang pelajar dari program Diploma Akauntansi (DAT), 30 orang pelajar dari program Diploma Pemasaran (DPR) dan 32 orang pelajar dari program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM).

3.2 INSTRUMEN KAJIAN

Secara keseluruhan, semua proses penyediaan untuk mengumpul data dipanggil instrumen. Instrumen kajian melibatkan pemilihan dan mereka bentuk instrumen dan juga prosedur sewaktu instrument ditadbir. Soal selidik yang digunakan terdiri dari empat seksyen: (a) maklumat demografi, (b) elemen membina personaliti yang positif, (c) elemen membentuk kemahiran berkomunikasi pelajar dan (d) elemen memberi pendedahan kepada alam pekerjaan kepada pelajar.

3.3 PROSEDUR

Surat penyertaan yang menjemput para pelajar disertakan bersama dengan soalselidik. Surat ini menjemput para pelajar untuk menyertai kajian ini secara sukarela. Para pelajar dari semua program yang menyertai kajian ini di mohon untuk menjawab soalselidik ini. Masa yang diberikan adalah di antara 5 – 10 minit. Soal selidik ini di edarkan pada minggu kedua para pelajar balik dari latihan industri oleh pengkaji di dalam bilik kuliah dan akhirnya semua data yang dikutip di proses dengan menggunakan SPSS (Statistical Packages for Social Sciences for Microsoft Window Release 20.0).

Menurut Zulkarnain dan Hisahmudin Md Som (2010) SPSS akan menjadi pilihan ramai penyelidik memandangkan operasinya yang mudah disamping menyediakan analisis statistik yang bersesuaian dengan keperluan penyelidikan dalam sains sosial.

3.4 MENILAI KEBOLEHPERCAYAAN

Guilford dan Fruchter (1956) dalam Noraini Idris (2010) mencadangkan bahawa indeks kebolehpercayaan dalam sesuatu ujian adalah paling memuaskan jika bernilai sekitar 0.7. Menurut Pallant (2001) dalam Noraini Idris (2010) pula, nilai indeks Alpha Cronbach sebanyak 0.7 atau ke atas adalah baik untuk skala instrumen yang mempunyai sepuluh atau lebih item, manakala nilai alpha sebanyak 0.5 pula di anggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item.

Di dalam kajian ini kebolehpercayaan soal selidik dianalisis mengikut jenis elemen iaitu elemen membina personaliti yang positif, elemen membentuk kemahiran berkomunikasi pelajar dan elemen memberi pendedahan kepada alam pekerjaan kepada pelajar. Bagi kefahaman tentang elemen membina personaliti yang positif, nilai Alpha Cronbach adalah 0.616. manakala bagi elemen kemahiran berkomunikasi dan pendedahan kepada alam pekerjaan nilai Alpha Cronbach masing-masing adalah 0.706 dan 0.746. Keseluruhan item adalah mencapai Alpha Cronbach 0.791.

4.0 ANALISIS DATA

Bab ini merangkumi dapatan dan keputusan kajian. Data diperolehi melalui kaedah pengedaran borang soal selidik dan telah di analisa menggunakan program '*Statistical Package for the Social Science (SPSS) 20.0.*'

Borang soal selidik terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A yang merangkumi maklumat tentang latar belakang responden atau demografi dan bahagian B yang merangkumi analisis dapatan kajian.

Sebanyak 105 borang soal selidik telah diedarkan oleh pengkaji kepada pelajar yang juga merupakan responden kajian. Borang soal selidik ini telah diedarkan dan diterima semula oleh pengkaji bagi tujuan menganalisa data untuk tujuan kajian. Namun begitu, hanya 97 borang soal selidik yang telah dikembalikan.

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Menerangkan latar belakang responden, menerangkan tahap kekerapan dan peratus responden berdasarkan jantina, kelayakan akademik, pengalaman mengajar dan juga jabatan. Kaedah peratusan digunakan untuk menganalisis item soalan.

Jantina	Responden	Peratus (%)
Lelaki	31	32%
Perempuan	66	68%
Jumlah	97	100
Program		
Akauntansi	35	36.1%
Pemasaran	30	30.9%
Pengajian Perniagaan	32	33.0%
Jumlah	97	100%
Bangsa		
Melayu	80	82.5%
Cina	10	10.3%
India	7	7.2%
Lain-lain	0	0%
Jumlah	97	100%

Jadual 4.1 : Taburan latar belakang responden.

Berdasarkan jadual 4.1 kajian ini, didapati bahawa seramai 32% adalah dari kalangan pelajar lelaki dan 68% adalah dari kalangan pelajar perempuan. Adalah diakui nisbah pelajar perempuan di Politeknik Merlimau adalah melebihi pelajar lelaki dan kebanyakan borang selidik dijawab oleh pelajar perempuan.

Didapati pelajar dari Diploma Akanutansi adalah sebanyak 36.1% dan pelajar dari Diploma Pemasaran adalah sebanyak 30.9%. Manakala pelajar Diploma Pengajian Perniagaan adalah 33.0% dan keseluruhan jumlah adalah 100%.

Bilangan pelajar Melayu yang menjawab borang soal selidik adalah sebanyak 82.5% iaitu yang paling ramai dari kaum lain, pelajar Cina adalah sebanyak 10.3% dan pelajar India adalah sebanyak 7.2%. Politeknik Merlimau mula beroperasi pada tahun 2002 sudah menghampiri 13 tahun dan kebanyakan pelajar yang belajar di sini adalah dari pelajar Melayu.

4.2 ANALISIS DAPATAN KAJIAN BAHAGIAN B

Dalam bahagian B sebanyak 19 soalan telah dikemukakan kepada responden untuk mendapat maklum balas berkaitan elemen-elemen yang diperolehi oleh pelajar selepas menjalani latihan industri. Sebanyak enam soalan telah diberikan bagi elemen pertama iaitu membina personaliti yang positif, enam soalan juga untuk elemen kemahiran berkomunikasi pelajar dan tujuh soalan untuk elemen pendedahan kepada alam pekerjaan. Analisa data dibuat berdasarkan kepada persoalan kajian seperti yang dinyatakan dalam bab 1.

4.2.1 Analisis Membina Personaliti Yang Positif.

Di dalam bahagian ini mengandungi enam soalan yang berkaitan dengan membina personaliti yang positif. Analisis data dibuat dengan nilai min. Hasil kajian adalah seperti berikut:

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Menjaga imej organisasi dengan baik.		15	7	58	17	3.79	SEDERHANA
		-	15.5%	7.2%	59.8%	17.5%		
2.	Menjalankan tugas dengan komited.		29	26	42		3.13	SEDERHANA
		-	29.9%	26.8%	43.3%	-		
3.	Berfikiran terbuka.				90	7	4.07	TINGGI
		-	-	-	92.8%	7.2%		
4.	Menjadi ketua terhadap sesuatu tugas dengan baik.			12	63	22	4.10	TINGGI
		-	-	12.4%	64.9%	22.7%		
5.	Menyesuaikan diri dengan semua keadaan.			13	71	13	4.00	TINGGI
		-	-	13.4%	73.2%	13.4%		
6.	Mempamerkan imej dan rupa diri yang bersesuaian.				55	42	4.43	TINGGI
		-	-	-	56.7%	43.3%		
Peratusan, Skor min dan Tafsiran Keseluruhan			7.6	10	65	17.4	3.92	TINGGI

Jadual 4.2 : Analisis Membina Personaliti Yang Positif

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, SS = Sangat Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 4.2 di atas menunjukkan analisis bagi elemen membina personaliti yang positif, min skor bagi setiap item soalan 3 hingga 6 berada dalam tahap yang tinggi iaitu 4.00 hingga 4.43 manakala min skor bagi item soalan 1 hingga 2 berada dalam tahap yang sederhana iaitu 3.13 hingga 3.79. Item yang mendapat min skor tertinggi adalah item soalan 6 iaitu pada nilai 4.43 dan 100% responden sentiasa mempamerkan imej dan rupa diri yang bersesuaian semasa berada di firma/organisasi. Ini menunjukkan bahawa apa yang diterapkan oleh pensyarah semasa mengajar Modul AS-101 *Softskills* dulu telah berkesan semasa pelajar membuat latihan industri.

Skor min keseluruhan untuk elemen membina personaliti yang positif ini adalah pada nilai 3.92 iaitu dikatakan masih berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan elemen membentuk personaliti pelajar merupakan elemen yang penting dan perlu ditekankan kepada pelajar-pelajar semasa menjalani latihan industri.

4.2.2 Analisis Membentuk Kemahiran Berkomunikasi Pelajar.

Di dalam bahagian ini mengandungi enam soalan yang berkaitan dengan membentuk kemahiran berkomunikasi pelajar. Analisis data dibuat dengan nilai min. Hasil kajian adalah seperti berikut :

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Bertutur dalam Bahasa Melayu dengan lancar.				60	37	4.38	TINGGI
		-	-	-	61.9%	38.1%		
2.	Berkomunikasi dengan jelas dan tepat.		7	18	45	27	3.95	TINGGI
		-	7.2%	18.6%	46.4%	27.8%		

3.	Menjadi yakin ketika bertutur dalam bahasa inggeris.	6	32	30	22	7	2.92	SEDERHANA
		6.2%	33.0%	30.9%	22.7%	7.2%		
4.	Sentiasa menggunakan bahasa yang mudah difahami.	-	6	5	74	12	3.95	TINGGI
		-	6.2%	5.2%	76.3%	12.4%		
5.	Memberi maklumat yang boleh dipercayai serta tepat.	6	7	12	71	1	3.56	SEDERHANA
		6.2%	7.2%	12.4%	73.2%	1.0%		
6.	Mewujudkan hubungan baik antara satu sama lain.			5	67	25	4.21	TINGGI
		-	-	5.2%	69.1%	25.8%		
Peratusan, Skor min dan Tafsiran Keseluruhan		2.1	8.9	12.1	58.2	18.7	3.83	TINGGI

Jadual 4.3: Analisis Membentuk Kemahiran Berkomunikasi Pelajar

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, S = Sangat Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 4.3 di atas menunjukkan analisis bagi elemen kemahiran berkomunikasi pelajar, min skor bagi setiap item soalan 1, 2, 4 dan 6 berada dalam tahap yang tinggi iaitu 3.95 hingga 4.38 manakala min skor bagi item soalan 3 dan 5 berada dalam tahap yang sederhana iaitu 2.92 hingga 3.56. Item yang mendapat min skor tertinggi adalah item soalan 1 iaitu pada nilai 4.38 dan 100% responden bertutur dalam Bahasa Melayu dengan lancar. Ini menunjukkan bahawa pelajar tiada masalah dalam berkomunikasi dalam Bahasa Melayu yang menjadi Bahasa Kebangsaan dengan rakan sekerja di firma/organisasi.

Skor min keseluruhan untuk elemen kemahiran berkomunikasi ini adalah pada nilai 3.83 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan elemen kemahiran berkomunikasi merupakan elemen yang penting dan perlu dimiliki oleh setiap pelajar dan keberkesanan Modul AS-101 *Softskills* sebenarnya memberikan pelajar banyak manfaat untuk meningkatkan tahap komunikasi mereka.

4.2.3 Analisis Memberi Pendedahan Kepada Alam Pekerjaan Kepada Pelajar.

Di alam bahagian ini mengandungi tujuh soalan yang berkaitan dengan elemen memberi pendedahan kepada alam pekerjaan kepada pelajar. Analisis data dibuat dengan nilai min. Hasil kajian adalah seperti berikut:

NO.	ITEM SOALAN	KEKERAPAN PERATUSAN					SKOR MIN	TAFSIRAN
		STS	TS	TP	S	SS		
1.	Mengetahui apa yang diharapkan oleh firma/organisasi.			26	71		3.73	SEDERHANA
		-	-	26.8%	73.2%	-		
2.	Ilmu teori dan praktikal yang diajar di politeknik amat berguna.			20	76	1	3.80	SEDERHANA
		-	-	20.6%	78.4%	1.0%		
3.	Dapat menyelesaikan tugas seperti yang diarahkan.			27	57	13	3.86	TINGGI
		-	-	27.8%	58.8%	13.4%		
4.	Tiada masalah dalam melakukan kerja-kerja pengkeranian.			21	63	13	3.92	TINGGI
		-	-	21.6%	64.9%	13.4%		
5.	Mampu untuk mengikuti segala peraturan yang di buat oleh firma/organisasi.			13	77	7	3.94	TINGGI
		-	-	13.4%	79.4%	7.2%		
6.	Sentiasa bersedia menerima arahan untuk melakukan tugas.		8	39	50		3.43	SEDERHANA
		-	8.2%	40.2%	51.5%	-		
7.	Sentiasa memastikan tugas/kerja yang diberikan disiapkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan.			12	78	7	3.95	TINGGI
		-	-	12.4%	80.4%	7.2%		
Peratusan, Skor min dan Tafsiran Keseluruhan			1.2	23.3	69.5	6.0	3.81	TINGGI

Jadual 4.4 : Analisis Memberi Pendedahan Kepada Alam Pekerjaan Kepada Pelajar

SKALA LIKERT

STS = Sangat Tidak Setuju, TS = Tidak Setuju, TP = Tidak Pasti, SS = Sangat Setuju, SS = Sangat Setuju.

Jadual 4.4 di atas menunjukkan analisis bagi elemen memberi pendedahan kepada alam pekerjaan, min skor bagi setiap item soalan 3, 4, 5 dan 7 berada dalam tahap yang tinggi iaitu 3.86 hingga 3.95 manakala min skor bagi item soalan 1, 2 dan 6 berada dalam tahap yang sederhana iaitu 3.43 hingga 3.73. Item yang mendapat min skor tertinggi adalah item soalan 7 iaitu pada nilai 3.95 dan 87.6% respondensientiasa memastikan tugas/kerja yang diberikan disipkan dalam tempoh masa yang telah ditetapkan. Ini menunjukkan bahawa segala ilmu yang telah diberikan dalam Modul AS-101 *Softskills* telah memberi kesan kepada pelajar yang mana pelajar amat ditekankan untuk bertanggungjawab dengan segala kerja yang telah dimanahkan kepada mereka.

Skor min keseluruhan untuk elemen memberi pendedahan kepada alam pekerjaan ini adalah pada nilai 3.81 iaitu berada pada tahap tinggi. Ini membuktikan elemen pendedahan kepada alam pekerjaan merupakan elemen yang menyiapkan diri pelajar dengan pengetahuan teori yang dipelajari di politeknik dan Modul AS-101 *Softskills* memberikan pelajar kelebihan untuk berada di alam pekerjaan yang sebenar.

5.0 PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Bahagian ini adalah terdiri daripada rumusan, perbincangan dan cadangan kajian. Dapatan kajian yang diperolehi dalam bab 4 akan dibincangkan dalam bab ini berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang ditetapkan dalam bab 1. Akhirnya, cadangan dikemukakan untuk tujuan kajian lanjutan pada masa akan datang.

5.1 PERBINCANGAN

Kajian ini adalah berdasarkan kepada hasil daripada kajian dan keputusan analisis data yang telah dijalankan. Kajian ini memberikan tumpuan ke atas tiga(3) persoalan kajian iaitu adakah Modul AS-101 *Softskills* membina personaliti yang positif, adakah Modul AS-101 *Softskills* membentuk kemahiran berkomunikasi pelajar dan adakah Modul AS-101 *Softskills* memberi pendedahan kepada alam pekerjaan kepada pelajar. Kesimpulan kajian yang diperolehi ini menunjukkan secara keseluruhannya keberkesanan Modul AS-101 *Softskills* adalah tinggi terutama kepada tiga (3) persoalan kajian yang dibentuk ini.

5.1.1 Adakah Modul *Softskills* Latihan Industri Membina Personaliti Yang Positif?

Dalam membincangkan elemen keberkesanan Modul AS-101 *Softskills* terbahagi kepada beberapa jenis. Keberkesanan yang pertama ialah membina personaliti yang positif. Berdasarkan kepada jadual 4.2, elemen membina personaliti yang positif sebenarnya menjadi satu keutamaan dalam pengajaran dan pembelajaran Modul AS-101 *Softskills*. Pelajar sentiasa diingatkan dan didedahkan dengan imej dan rupa diri yang bersesuaian seperti yang dikehendaki oleh firma/organisasi. Keberkesanan Modul AS-101 *Softskills* juga dapat dilihat apabila pelajar menjadi ketua dan melaksanakan tugas yang baik. Di samping itu, pelajar berfikiran terbuka dalam apa jua keputusan dan arahan yang diberikan oleh pihak firma/organisasi kerana semasa mereka mempelajari Modul AS-101 *Softskills* mereka didedahkan dengan kerja berkumpulan menerima kritikan dan komen daripada pensyarah dalam menyiapkan sesuatu tugas dimana skor min untuk kesemua elemen ini berada di tahap yang tinggi.

Kenyataan ini disokong oleh Ramli, Ibrahim, Rahman dan Endut (2007) yang mendapati bahawa program *Softskills* yang telah memberi banyak faedah seperti pengetahuan, keyakinan dalam komunikasi, etika professional dan moral, semangat kerja berpasukan dan kemahiran kepimpinan, kemahiran berfikir secara kritis dan menyelesaikan masalah, keusahawanan dan Bahasa Inggeris.

5.1.2 Adakah Modul *Softskills* Latihan Industri Membentuk Kemahiran Berkomunikasi Pelajar?

Kemahiran komunikasi merupakan elemen yang sangat penting dalam sesebuah firma/organisasi. Kejayaan dan kegagalan sesebuah firma/organisasi mungkin datangnya dari faktor komunikasi yang berjaya atau tidak berjaya. Justeru itu, melalui Modul AS-101 *Softskills*, para pelajar didedahkan dengan kemahiran komunikasi melalui aktiviti berkumpulan dan juga persembahan yang mereka lakukan di hadapan rakan kelas. Ternyata aktiviti sebegini memberi kesan kepada kemahiran komunikasi yang mereka tunjukkan di firma/organisasi semasa latihan industri.

Berdasarkan kepada jadual 4.3, kesemua elemen yang disebutkan di atas berada pada tahap skor min yang tinggi dan pelajar sememangnya mengamalkan komunikasi yang baik di dalam firma/organisasi. Perkara ini disokong oleh (Shakir, 2009) yang menyatakan kemahiran komunikasi perlu diterapkan kepada semua pelajar yang berbilang kaum walaupun sekolah mewujudkan aliran bahasa mereka masing-masing dan kemahiran komunikasi ini perlu ditanam kepada semua agar pelajar dapat berkomunikasi dengan baik sekiranya mahu terus maju ke hadapan.

5.1.3 Adakah Modul Softskills Latihan Industri Memberi Pendedahan Kepada Alam Pekerjaan Kepada Pelajar?

Salah satu peranan yang dimainkan oleh pensyarah dalam P&P Modul *Softskills* adalah memberi pendedahan kepada pelajar untuk mengharungi alam pekerjaan yang sebenar. Pensyarah merupakan individu yang bekerja dari pelbagai industri sebelum mereka bergelar pensyarah dan dimanfaatkan oleh pensyarah untuk berkongsi pengalaman mereka dengan pelajar apa yang diperlukan oleh seorang pelajar apabila mereka mahu bekerja selepas tamat pengajian kelak. Melalui Modul *Softskills*, pelajar akan didedahkan dengan tatacara dan prosedur kerja di firma/organisasi.

Berdasarkan kepada jadual 4.4, lima item yang disebutkan di atas berada pada tahap skor min yang tinggi di mana keberkesanan dalam Modul *Softskills* mempengaruhi pelajar untuk bertindak dengan sewajarnya sebagai seorang pekerja di firma/organisasi. Pelajar sudah faham apa yang mereka perlu lakukan semasa menjalani latihan industri dan perkara ini memberikan faedah kepada firma/organisasi sehinggakan ada firma/organisasi yang berminat memohon dengan pihak politeknik untuk menghantar pelajar lagi di masa akan datang. Kenyataan ini disokong oleh (Konting, Kamaruddin & Man, 2009) yang berpendapat kaedah yang berkesan untuk penerapan kemahiran *Softskills* ke dalam diri pelajar adalah dengan menerapkan elemen-elemen *Softskills* ke dalam modul-modul teras yang diajar.

5.2 CADANGAN KAJIAN LANJUTAN

- i) Kajian lanjutan ke atas sampel yang lebih besar melibatkan kesemua Politeknik yang ada di Malaysia.
- ii) Kajian lanjutan ke atas elemen yang lain seperti kecerdasan emosi, elemen kemahiran pengurusan tempat kerja dan sebagainya.

5.3 RUMUSAN

Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah membincangkan objektif, metodologi, dapatan serta perbincangan tahap keberkesanan Modul AS-101 *Softskills* terhadap pelajar semester lima selepas menjalani latihan industri. Hasil dapatan kajian berjaya mengenalpasti beberapa keberkesanan dalam Modul AS-101 *Softskills* itu sendiri. Justeru, pensyarah perlu mengambil perhatian agar P&P mereka dapat diaplikasikan kemahiran-kemahiran yang sesuai agar dapat melahirkan kefahaman yang tinggi oleh pelajar seterusnya menghayati serta diamalkan ilmu yang mereka perolehi. Kemahiran yang telah dinyatakan di dalam bab perbincangan juga boleh digunakan oleh semua pensyarah untuk mempraktikkan semua elemen untuk menjadikan politeknik tempat melahirkan graduan yang berkualiti dan memenuhi pasaran kerja.

Rujukan

- Ahmad Esa et al (2011), *"The Implementation Of Generic Skills At Technical Schools: Comparative Analysis In Different Platform"*.
- Ahmad Esa et al (2014), *"Applications of Soft Skills in Engineering Programme at Polytechnic Malaysia"*.
- Abdul Razzaq et al (2010), *"Penerapan dan penguasaan kemahiran generik dalam proses P&P bagi Program Pengurusan Hotel dan Katering di politeknik ke arah keperluan industri"*.
- Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Melangkaui Tahun 2020. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, 2006).
- Devadson, Subramaniam dan Daniel (2010). Students' Perceptions of The Integration of Soft Skills in The Formal Curriculum : A Survey of Malaysian Public Universities. *Asia Pacific Education Review*, 11(3), 321.
- Esa Ahmad et al (2015), *"Lecturers perception of the soft skills of engineering students in Malaysian Polytechnics"* Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Esa, M.Z. Mustafa (Eds.) (2010), *"Kemahiran insaniah: kajian di Institusi-institusi Pengajian Tinggi"*. UTHM Publication
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia.
- Kementerian Pengajian Tinggi (2011), Pelan Tindakan Pembangunan Modal Insan Inovasi Peringkat tertuari (PTPMII).
- Mohd Amiruddin Bin Mohd Jalaludin (2014), *"Interpersonal Communication Skills among the Master's Students in TVET"*.
- Mohd Safarin dan Mohd Zolkifli (2005). *"Tahap Keyakinan Kemahiran Generik Di Kalangan Pelajar Kolej Komuniti."* Kertas Kerja Seminar Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Shatar dan Azali Mohamad (2008), The University – Industry Linkage : The Role of Student Development Services Profesional. Paper Presented in Regional Convention on Student Development, Phuket, Thailand. October 29th – 31th, 2008, Organized by Universiti Utara Malaysia.
- Ramli, Ibrahim, Rahman dan Endut (2007), Program Ketrampilan Graduan Untuk Pelajar Universiti Darul Iman Malaysia Tahun 2007. Kertas Kerja dibentangkan di Persidangan Pengajaran dan Pembelajaran di Peringkat Pengajian Tinggi, 12-14 Disember.
- Saadon et al (2011), *"Keberkesanan Kursus Kokurikulum Berkredit Dalam Memperkasakan Kemahiran Insaniah Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam"*.
- Samuel dan Bakar (2008). The Effectiveness of 'VELT' in Promoting English Language Communication Skills: A Case Study in Malaysia. *International Journal of Education and Development Using ICT*, 4(3) : 1-14.
- Shakir (2009), *"Soft skills at the Malaysian institutes of higher learning"*
- Zainal et al. (2011), *"Peningkatan tahap perkembangan kemahiran insaniah mentor melalui microcontroller school mentoring project"*.

Zulida Binti Abdul Kadir (2013), *“Enhancing Students’ Problem Solving Skills Usingproblem-Based Learning As An Instructional Communicationapproach”*.